

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**SOALAN NO. 487**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam culas PTPTN mengikut jenis kursus serta jenis IPTA dan IPTS.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga Mei 2019, seramai 345,683 orang peminjam yang belum pernah membuat bayaran balik (culas). Daripada jumlah ini, seramai 179,288 peminjam adalah bekas pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan 166,395 orang peminjam daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Perincian peminjam culas mengikut bidang pengajian adalah seperti berikut:

- i. Kejuruteraan, Perkilangan dan Pembinaan adalah seramai 61,788 orang.
- ii. Kesihatan dan Kebajikan adalah seramai 38,291 orang.
- iii. Pendidikan adalah seramai 13,654 orang.
- iv. Pengajian Am adalah seramai 17 orang.

**NO. SOALAN: 487**

- v. Perkhidmatan adalah seramai 31,073 orang.
- vi. Pertanian dan Veterinar adalah seramai 5,141 orang.
- vii. Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan adalah seramai 109,293 orang.
- viii. Sains, Matematik dan Pengkomputeran adalah seramai 28,318 orang.
- ix. Sastera dan Kemanusiaan adalah seramai 36,256 orang.
- x. Lain-lain bidang adalah seramai 21,852 orang.

RT66/487

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN WONG SHU QI**  
**[KLUANG]**

**SOALAN NO. 487**

**Y.B. PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah orang yang mengambil bahagian dalam Program Khas Pengakuan Sukarela serta jumlah yang dikutip oleh LHDN bermula November 2018 hingga Jun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) mula dilaksanakan pada 3 November 2018 sehingga 23 Jun 2019, sebanyak 234,992 pembayar cukai meliputi syarikat dan selain syarikat yang telah menyertai program ini dengan melibatkan 486,360 kes pelaporan. Jumlah hasil cukai yang berjaya dikutip di bawah PKPS ini hanya akan diumumkan setelah program ini tamat pada 30 September 2019.